

Pertandingan Kompang Terbuka UMS 8 Oktober

KOTA KINABALU: Jawatankuasa Sukan Kon-vo Ke-5 Universiti Malaysia Sabah akan menganjurkan Pertandingan Kompang Terbuka pada 8 Okt depan di Stadium UMS.

Pertandingan julung kali diadakan sempena Konvo-kesyen Ke-5 UMS.

Pasukan kompang seluruh Sabah dipelawa menyertai. Hadiah berupa wang tunai, piala iringan dan berbagai lagi hadiah akan dimenangi.

Di samping bertanding, peserta berpeluang bersama-sama ke tapak Tamu Gadang di mana terdapat gerai-gerai serta pameran unik sepanjang tamu itu berlangsung.

Yuran penyertaan RM80 bagi setiap pasukan. Tarikh tutup pada 4 Okt dan cabutan undi dijalankan pada tarikh yang sama, jam 4 petang di Kompleks Sukan UMS.

Borang penyertaan dan keterangan lanjut supaya menghubungi Azman Soaibah (Tel: 088-320000 sam. 1278/013-8691488; Charles Thomas (Tel: 088-320000 sam. 1119/013-8598331; Ahmadi Nurdin (Tel: 088-320000 sam. 1287/016-8037826 atau Kedai Sukan Ararat Sports, Bangunan Kuwasa (Tel: 088-235918/219208.



S
SABAH